

# BACIDIN ANTISEPTIC CREAM

Chlorhexidine Gluconate (1% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Bacidin Cream
2. Bagaimana Bacidin Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Bacidin Cream
4. Cara menggunakan Bacidin Cream
5. Semasa menggunakan Bacidin Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Bacidin Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Bacidin Cream

- penyembuhan luka.
- kulit melecur.
- kulit melecat.
- jangkitan kuman pada kulit yang tidak serius.

## Bagaimana Bacidin Cream berfungsi

Chlorhexidine adalah bahan pembasmi kuman, berkesan terhadap pelbagai jenis bakteria.

## Sebelum menggunakan Bacidin Cream

### -Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan gunakan ubat ini jika anda alah (hipersensitif) terhadap Chlorhexidine atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- Tidak boleh digunakan pada bahagian mulut, sekitar bahagian mata, bahagian kemaluan dan bahagian lain yang berkulit nipis.
- Tidak boleh digunakan pada otak dan gegendang telinga.

### -Sebelum menggunakan Bacidin Cream

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- mempunyai alahan terhadap chlorhexidine.
- hamil atau sedang menyusukan anak.
- menggunakan ubat antimikrobial lain pada masa yang sama.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau sejak kebelakangan ini ada mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

## Cara menggunakan Bacidin Cream

### -Berapa banyak harus digunakan

Sapu pada kawasan yang mengalami jangkitan seperti diperlukan.

### -Bila perlu digunakan

Ikuti nasihat doktor atau ahli farmasi anda

### -Berapa lama perlu digunakan

Berdasarkan preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

### -Jika terlupa menggunakan

Guna secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika tertelan, simptom seperti gangguan pencernaan, sesak nafas, perubahan warna kulit.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda mengesyaki diri sendiri atau orang lain telah menggunakan ubat ini secara berlebihan. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidaksesuaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Bacidin Cream

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa cuci tangan sebelum dan selepas menggunakan Cream ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Krim ini adalah untuk kegunaan pada kulit sahaja.
- Tidak boleh ditelan.
- Tidak boleh digunakan bersama sabun.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika berlaku sebarang ketidaksesuaian kulit selepas menggunakan ubat ini, hentikan penggunaan dan bilas dengan air dengan segera.

## Kesan-kesan sampingan

Berhenti menggunakan produk ini dan dapatkan bantuan perubatan segera jika anda mengalami ruam, gatal-gatal, bengkak, kesukaran bernafas, hendak pengsan atau denyutan jantung yang laju. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Orang Awam→Lapor Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Bacidin Cream

### -Penyimpanan

Simpan di bawah 25°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

### -Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Cream berwarna putih, licin dan sekata. Boleh didapati dalam tiub aluminium 10g dan 15g.

### -Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Chlorhexidine Gluconate

-Bahan tidak aktif

Cetomacrogol, Cetostearyl Alcohol, Methyl Hydroxybenzoate, Propyl Hydroxybenzoate, Liquid Paraffin, Purified Water.

### -Nombor MAL

MAL19912885XZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran**

**Produk**

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd  
1-5 Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

21/08/2018

**Nombor Siri**

NPRA (R4/1)200818/00245